

### Subjek Social Sciences UNIMAS Memasuki Senarai Ranking 601+ Dunia



# Congratulations!

UNIMAS is ranked in the 2022  
Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject



**Kota Samarahan** : Satu lagi pengiktirafan atas usaha gigih warga kampus dan petunjuk kekuatan UNIMAS apabila buat pertama kalinya, subjek **Social Sciences** UNIMAS telah memasuki senarai penarafan dunia oleh Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject.

Pengumuman rasmi oleh pihak THE yang berpangkalan di London, UK pada 13 Oktober 2021 telah menyenaraikan subjek **Social Sciences** bersama-sama dengan subjek **Business and Economics** UNIMAS pada kedudukan **601+ dunia**.

Subjek **Social Sciences** meliputi *Communication and media studies; politics and international studies (including development studies); sociology and geography*. Hanya 10 Universiti di Malaysia yang tersenarai dalam penarafan ini dan UNIMAS berada di kedudukan ketujuh selepas UTM, UM, UUM, UPM, USM dan UKM.

Bagi subjek **Business and Economics** pula, UNIMAS mengekalkan kedudukan yang sama seperti tahun sebelumnya. Ini merupakan tahun ketiga sub-

jem **Business and Economics** UNIMAS tersenarai dalam *World University Rankings*. Secara keseluruhannya, daripada 13 Universiti yang disenaraikan di Malaysia, UNIMAS berada pada kedudukan kelapan.

THE sebelum itu pada 16 September 2021 turut mengumumkan Subjek **Life Sciences** UNIMAS disenaraikan pada kedudukan **801+ dunia** buat tahun kedua berturut-turut. Di kalangan Universiti Awam (UA) Malaysia, hanya 7 UA yang disenaraikan dalam penarafan ini dan UNIMAS berada di kedudukan kelima.

Turut kekal berada dalam senarai penarafan ini ialah Subjek **Engineering and Technology** UNIMAS. Keputusan rasmi yang diumum pihak THE pada 6 Oktober 2021 telah mengekalkan subjek ini pada kedudukan **1001+ dunia**. UNIMAS berada bersama-sama 16 Universiti lain di Malaysia dalam senarai penarafan ini.

Tahniah atas satu lagi catatan unggul yang membuktikan keberadaan UNIMAS di persada global.

#### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :  
PROF DR TARMJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :  
PROF MADYA DR LEE NUNG KION  
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :  
DAYANG MAZINA AWANG BATU  
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :  
GUSTINATA BASUAN  
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :  
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :  
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :  
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :  
SITI AFIZAH JAMIL  
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :  
ROZAIMI ANIS



## UNIMAS jalani Audit Pemantauan SIRIM 2021 QMS dan ISMS serentak

**Kota Samarahan** : SIRIM QAS International telah menjalankan sesi Audit Pemantauan (Surveillance Audit) ke atas Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi standard MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).

Sesi audit secara serentak bagi kedua-dua standard ini telah dijalankan secara virtual pada 10 hingga 12 November 2021. Ini merupakan kali kedua UNIMAS menjalani audit secara virtual akibat pandemik Covid-19.

Mesyuarat pembukaan audit telah dipengerusikan oleh Pengarah, SQRC Yang Berusaha Prof Dr Tarmiji Masron pada 10 November 2021 manakala mesyuarat penutupan audit pada 12 November 2021 telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) YBhg Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim, mewakili YBhg Naib Canselor.



**Sesi Audit di RIEC**

Pasukan Audit SIRIM International seramai tiga (3) orang telah menjalankan pemeriksaan di beberapa PTJ yang dan menemuramah sebilangan staf yang terlibat dalam proses kerja berkaitan.


Laporan penemuan yang dibentangkan oleh Pasukan Audit SIRIM mendapat tiada laporan ketakakuran (NCR) dan tiada peluang penambahbaikan (OFI) direkodkan untuk ISMS sementara QMS merekodkan lima (5) peluang penambahbaikan (OFI).



**Sesi Audit di PKP**

Skop persijilan ISMS bagi Sistem Pengurusan Pelajar (SPP) merangkumi Pendaftaran Pelajar, Kursus, Penajaan Keputusan dan Penyedaan Sijil.

Manakala bagi persijilan QMS melibatkan beberapa PTJ iaitu Urusan Pengambilan, Pendaftaran, Penilaian dan Pensijilan Pelajar Prasiswa (BPPs), Urusan Pembangunan, Pengurusan Sumber Ilmu dan Perkhidmatan Maklumat (PETARY), Pendaftaran Kolej Pelajar Baharu Prasiswa (PKP), Pengambilan Pendaftaran dan Penilaian Pelajar Siswa Program Kerja Kursus (PPS), Permohonan Geran Penyelidikan dan Pemantauan Penyelidikan (RIEC), Audit Dalaman (PAD) dan Terimaan Hasil (Pejabat Bendahari).




## SQRC anjur Coffee Talk: Risk Management in UNIMAS

**Kota Samarahan** : SQRC amat menitikberatkan latihan dan perkongsian maklumat bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan risiko terutamanya di kalangan Pengurus Risiko yang telah dilantik.

Pengurusan risiko merupakan tanggungjawab semua pihak di setiap peringkat dalam universiti ini. Bertitik tolak dari itu, Unit Pengurusan Risiko, SQRC telah menganjurkan sesi webinar Coffee Talk: Risk Management in UNIMAS pada 8 November 2021. Ia disertai oleh semua Pengurus Risiko PTJ.

Sesi webinar santai pada hari tersebut juga merupakan sebahagian daripada siri latihan yang telah dirancang bagi memantapkan lagi pengurusan risiko UNIMAS serta sebagai platform perkongsian maklumat, idea dan sebagainya di kalangan semua pihak yang terlibat.



Sesi perkongsian ilmu telah dikendalikan oleh Timbalan Pengarah, Pengurusan Risiko dan Kualiti, Dr Sharizal Hashim selain oleh Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pengurusan Risiko dan Kualiti, Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman.

Di antara maklumat yang dikongsikan ialah keadaan atau status semasa pengurusan risiko di UNIMAS berdasarkan Laporan Pengurusan Risiko yang dianalisa dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMAS, proses Risk Review pada Sistem UNIMAS Alliance Management System (AiMs) dan pengenalan serta perbincangan sistem yang sedang dibangunkan oleh SQRC iaitu Daftar Risiko secara dalam talian bagi menggantikan penggunaan format excel yang sedia ada.

## UNIMAS salur data bagi penilaian THE University Impact Rankings 2022

**Kota Samarahan :** UNIMAS telah menyalurkan data-data Universiti termasuk bahan bukti bagi tujuan penilaian THE University Impact Rankings 2022 ke THE Portal Hub pada 12 November 2021.



THE University Impact Rankings mengukur sejauh mana kejayaan sesebuah universiti dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Sustainable Development Goals).

Proses penilaian dan pengukuran menggunakan petunjuk prestasi yang dikalibrasi secara teliti untuk memberikan perbandingan yang komprehensif dan seimbang secara khusus dalam empat bidang iaitu research, stewardship, outreach and teaching.

Ini adalah penyertaan kali keempat UNIMAS dalam penarafan Impact Rankings sejak tahun 2019. Pada 2021, UNIMAS berada pada kedudukan 301+ dunia secara keseluruhan dari lebih 1118 buah Universiti yang layak.

Menurut THE, proses penilaian akan menggunakan metodologi luas yang sama seperti tahun 2021 tetapi sebilangan kecil petunjuk telah ditambah manakala beberapa takrifan telah diubahsuai mengikut keadaan semasa.

Sementara itu, Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron merakamkan penghargaan kepada semua pihak di fakulti, pusat, institut serta PTJ berkaitan dalam penyaluran data dan bahan bukti pada kali ini.

Maklumat berkaitan UNIMAS SDG Goals turut boleh dilayari dilaman sesawang sqrc.unimas.my.

## Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti Bil.02/2021 Ke-05

**Kota Samarahan :** Ketua-Ketua Strategi Fakulti telah bersidang dalam Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti Bil.02/2021 Ke-5 melalui aplikasi webex.

Mesyuarat diadakan pada 27 Oktober 2021, dipengerusikan Timbalan Pengarah (Strategik) SQRC, Prof Madya Dr Lee Nung Kion yang mewakili Pengarah SQRC.

Ketua Strategi Fakulti berperanan membantu Dekan dalam memastikan perihal berkaitan strategi, kualiti, kedudukan dan penarafan Universiti dapat dilaksanakan dengan berkesan di peringkat fakulti.



Secara berkala, mesyuarat ini melapor aktiviti dan perancangan strategik fakulti untuk Jawatankuasa Strategi dan Kualliti UNIMAS.

UNIMAS  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**SURVEILLANCE AUDIT**  
**ISO/IEC 27001:2013,**  
**ISO 9001:2015**

10 Nov 2021, 9.30am	Opening Meeting
10 - 12 Nov 2021	Remote Audit
12 Nov 2021, 4.00pm	Closing Meeting

AUDIT TEAM:  
Mohammad Hamidi bin Yusop  
Mani Maaran Krishnan  
Mohamad Abdul Kadir bin Johari



# Kalendar Aktiviti



## Oktober 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat Kualiti Data MyMoheS KPT	Bil.02/2021	<b>5/10/2021</b>
2	Bengkel Semakan Pelan Strategik	Separuh Tahun 2021	<b>12/10/2021</b>
3	Taklimat ISO bersama BPSM	ISO 9001:2015	<b>15/10/2021</b>
4	THE Emerging Economies Summit 2021	THE	<b>18-20/10/2021</b>
6	Sesi Benchmarking Pengurusan Prestasi dan Risiko	PPKS / iCATS	<b>22/10/2021</b>
5	Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti	Bil.02/2021 Ke-5	<b>27/10/2021</b>

## November 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Coffee Talk: Risk Management in UNIMAS	Risk Management	<b>8/11/2021</b>
2	Surveillance Audit - SIRIM QAS International	QMS ISO 9001:2015 & ISMS IEC 27001:2013	<b>10-12/11/2021</b>
3	THE Impact Rankings 2022	Data Submission to THE	<b>12/11/2021</b>
4	Mesyuarat JSKU	Bil.03/2021 Ke-22	<b>22/11/2021</b>